



**TEKS UCAPAN:**  
**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**  
**TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN**  
**MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**SEMPENA:**  
**FORUM EKONOMI HALAL 2023**

**PADA:**  
**13 SEPTEMBER 2023**

**BERTEMPAT DI:**  
**MALAYSIA INTERNATIONAL TRADE & EXHIBITION CENTER**  
**(MITEC)**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani**

**(SALUTASI)**

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan rahmat-Nya kita dapat berkumpul di MITEC pada pagi ini bagi sama-sama menjayakan Forum Ekonomi Halal 2023. Semalam Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Anwar Ibrahim hadir di sini untuk merasmikan Persidangan Global Halal 2023. Beliau telah berkongsi dengan kita harapan dan visi yang ingin beliau garapkan agar industri halal ini bukan sekadar terus dikembangkan di dalam negara, tetapi menembusi pasaran antarabangsa.
2. Kehadiran kita dalam Forum Ekonomi Halal ini adalah manifestasi kepada kesungguhan kita untuk mencapai cita-cita menjadikan Malaysia sebagai platform halal antarabangsa. Seperti yang YAB Perdana Menteri sebut semalam, negara seperti Jepun, Korea, China semua telah memberikan pengiktirafan kepada Malaysia khususnya dalam aspek pensijilan halal.

3. Justeru, perbincangan anda hari ini amat penting untuk kita memangkin lebih kejayaan industri halal di masa hadapan dan menggerakkan satu sinergi dan strategi yang ampuh untuk kita bersama menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadi rujukan bila disebut tentang tadbir urus halal yang berkesan, ekosistem halal yang mapan dan urusan halal yang berdaya saing.
  
4. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) yang telah menganjurkan program pada hari ini bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan halal, trend di dalam pasaran, mencari peluang dan faktor kejayaan dalam industri makanan dan minuman, penjagaan kesihatan mahupun gaya hidup. Pengisian perbincangan pada hari ini akan menjadi wadah kepada usaha Kerajaan Perpaduan bagi meningkatkan pertumbuhan dan membangunkan aktiviti berkaitan halal.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Kerajaan Perpaduan melalui MITI dan agensi-agensi berkaitan sentiasa memberikan komitmen yang jitu untuk

membantu dan memudahkan syarikat-syarikat yang ingin berdagang dan melabur di Malaysia. Contohnya, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bertanggungjawab untuk menarik dan menggalakkan pelaburan dari luar manakala Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) berperanan untuk merancakkan perdagangan dan mempromosi perusahan Malaysia kepada dunia.

6. HDC pula memfokuskan untuk pembangunan keseluruhan industri halal di Malaysia. Apa yang ingin saya katakan, agensi-agensi yang saya sebutkan ini saling melengkapi dengan matlamat memastikan persekitaran perniagaan (ekosistem) yang kondusif bagi pelabur dan menjadikan Malaysia sebagai hub-halal dan pilihan terbaik untuk berurusan.
7. Jadi, interaksi antara agensi-agensi berkaitan Halal termasuklah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu ditambahbaik bagi memastikan ekosistem halal dapat berkembang dengan sempurna. Jika tidak, permasalahan yang timbul dari zaman saya menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada tahun 2008, masih timbul sehingga hari ini *and we will always stuck in our own bubble.*

8. Bila perkara pokok ini dapat dirungkaikan barulah Malaysia dapat memberikan sepenuhnya tumpuan kepada peningkatan tahap kesedaran mengenai halal dan potensi perniagaannya. Kemudian, platform seperti hari ini, saya percaya dapat mengumpulkan idea-idea besar dan memberikan kesimpulan terbaik untuk menentukan apa jua keperluan industri agar ia dapat diselaraskan dengan lebih efektif dan berkesan.
9. Jadi dengan tema “Kelestarian Sektor Halal Terhadap Sosio-Ekonomi Kebangsaan”, Forum Sektor Halal 2023 (HSF 2023) yang menyatukan para pimpinan Kerajaan, ahli-ahli akademik, para peneraju dan pemain industri – platform hari ini adalah untuk percambahan idea yang luar biasa – membuka jalan dan mengetengahkan konsep-konsep baharu yang akhirnya akan memperbaharui dan menyegarkan sektor Halal Malaysia.
10. Saya percaya, anda semua akan mengkaji secara mendalam aspek-aspek utama sektor halal yang perlu diperkasakan. Saya mahukan, setiap pemikiran strategik kita garap dan satukan, kita bina idea-idea berwawasan dan strategi inovatif untuk membentuk semula dan mengukuhkan industri serta ekosistem Halal Malaysia.

**Tapi ingat, saya mahu yang luar biasa. Berfikir bukan sahaja di luar kotak tetapi tiada kotak dan baru lah industri ini dapat menjadi lebih maju dari sebelumnya.**

11. Hari ini, kita bukan sekadar tentang membincangkan trend halal; kita mesti berbicara tentang strategi untuk memacu momentum industri Halal, membentuk jalan dan mencari mekanisme menuju kejayaan dan keberkesanannya. *We mean business this time!*
12. Bila semua dapat memberi kerjasama yang teguh baru lah sektor-sektor strategik di bawah Pelan Induk Industri Halal 2030 (HIMP 2030) dapat memacu dan mencipta peluang pertumbuhan baru dalam industri ini. Sektor ini termasuklah sektor makanan dan minuman halal, penjagaan kesihatan, dan produk kosmetik serta penjagaan diri.
13. Bila kesungguhan ini terpancar, ia akan memantapkan lagi komitmen Kerajaan terhadap usaha yang perlu dilaksanakan untuk memastikan agenda pemeraksanaan halal secara berterusan dapat dipertingkatkan secara strategik. Malah isu yang kita sering dengar seperti pensijilan halal boleh dicerakinkan bersama di platform seperti ini.

14. Saya sendiri telah mengarahkan JAKIM untuk menganjurkan Seminar Perdana Halal bertujuan memberikan maklumat terperinci mengenai syarat dan prosedur pensijilan halal. Semoga usaha ini dapat memandu pihak industri untuk memahami keperluan pensijilan halal dan memperoleh maklumat secara *first-hand information* daripada JAKIM agar proses pensijilan halal Malaysia dapat diperbaiki dan ditambahbaik pelaksanaannya.
15. PM ada juga menyebut semalam untuk saya menyelaras sinergi di antara semua pihak yang terlibat bagi memperkasa aspek pensijilan dan menjadikan industri halal negara ke peringkat yang lebih kompetitif. InsyaAllah kita akan memanfaatkan sepenuhnya ekosistem halal negara, sekaligus mencipta peluang yang lebih besar dalam pasaran halal global.
16. Ya, memang pensijilan halal kita diiktiraf negara besar dunia tetapi beliau mahu ia terus ditambahbaik khususnya dari aspek kecekapan dari segi penyelidikan bermutu serta keupayaan memberi kelulusan dengan cepat dan pantas. Perkara ini lah saya telah sebutkan kepada Menteri Agama dan KP JAKIM pada Isnin lalu.

17. Saya menegaskan, bahawa proses pensijilan di Malaysia memerlukan dimensi anjakan baharu, menukar persepsi dan sentiment negatif supaya Malaysia berjaya menjadi peneraju industri Halal dunia dengan memaksimum segala kapasiti yang ada.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

18. Ekonomi negara yang semakin kukuh dan berkembang pesat boleh menjadi penyumbang besar kepada kerancakkan industri halal. RM 265 billion berjaya direkodkan bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan. Pelaburan asing melonjak 62 peratus kepada RM 163 billion.
19. Nilai dagangan pula mencatatkan prestasi yang luar biasa melebihi RM 2 trillion selama dua tahun berturut-turut. Nilai eksport juga meningkat kepada RM 1.5 trillion yang menunjukkan Malaysia berada di atas landasan yang tepat untuk terus bergerak ke hadapan.
20. Jika kita lihat pada statistic halal pula, pada 2022 sahaja, eksport halal Malaysia mencecah hampir RM60 bilion dengan peningkatan berjumlah 64 peratus berbanding 2021. Keyakinan Kerajaan, pasaran halal antarabangsa



dengan nilai eksport halal mampu mencapai sebanyak RM63.1 billion pada tahun 2025.

21. Melalui data-data ekonomi yang didamparkan ini serta unjuran yang telah dijangkakan, saya yakin ekonomi negara akan terus berkembang dan industri halal pastinya akan terus menyumbang dengan diperluaskan lagi produk-produk halal yang berkualiti, mempromosikannya ke pasaran antarabangsa sekaligus menggembelng potensi hebat industri ini.
22. Potensinya terlalu besar! Kita biasa dengar potensi industri halal di peringkat global akan berkembang dan meningkat sehingga US\$ 5 trillion menjelang 2030. Jadi kita kena ambil kesempatan ini. Kerajaan Perpaduan pastinya akan menggerakkan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kapasiti dan daya saing sektor. Impian saya, impian kita semua untuk melihat Malaysia menerajui ekonomi halal, bukan sahaja di negara ini tetapi di peringkat global.
23. Melalui Pelan Induk Industri Halal 2030, ia mensasarkan industri ini untuk berkembang mencapai USD 106.1 billion menjelang tahun 2023 dan menyumbang 8.3% kepada KDNK kita menjelang tahun 2025 dan mencipta lebih dari 484,000 peluang pekerjaan berkualiti tinggi.

24. Dengan ekosistem yang menyokong untuk merancakkan industri halal di Malaysia dan selaras untuk meningkatkan pencapaian di peringkat global, saya yakin peluang kita luas dan tidak terbatas.
25. Tambahan itu, semasa mendengar ucapan Perdana Menteri semalam, beliau turut menyebut untuk pemain industri halal, khususnya perusahaan mikro, kecil dan sederhana untuk terus melipatgandakan usaha bagi menambahbaik kualiti serta mutu produk dan perkhidmatan untuk menembusi pasaran antarabangsa.
26. Kita perlu menterjemahkan hasrat YAB Perdana Menteri itu dengan memastikan Malaysia berada di barisan paling hadapan dalam mempromosikan usaha-usaha usahawan tempatan, khususnya usahawan desa dan melihat segala keperluan mereka untuk menjadi setanding syarikat antarabangsa.
27. Di Kementerian saya Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui MARA kita telah perkenalkan Program Gate To Global (GTG) yang akan memberi penekanan terhadap penjenamaan produk keluaran usahawan Bumiputera terutamanya dalam kategori

barangan konsumer bergerak cepat atau fast-moving consumer goods (FMCG) kepada entiti barangan yang mampu bersaing di pasaran dunia. Kalau nak tahu lebih lanjut, boleh terus ke Pavilion KKDW selepas ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

28. *HDC, you have a mountain task in front of you.* Teruskan peranan anda dalam membangunkan, mempromosikan, dan menggalakkan pertumbuhan industri Halal di Malaysia. Saya mahu HDC untuk terus melakukan penyelidikan dan pembangunan dalam teknologi Halal, menyediakan latihan dan pendidikan berkaitan halal, membangunkan hubungan antarabangsa dan memimpin idea-idea untuk memacu industri ini. *You must be the engine of this sector.*
29. Saya ingin sebutkan sekali lagi, konsep Halal Diplomacy or Diplomasi Halal Malaysia yang telah diperkenalkan sebagai usaha dan inisiatif yang untuk mempromosikan dan membangunkan ekonomi Halal dalam konteks perhubungan luar negeri.
30. Diplomasi Halal adalah suatu pendekatan buat Malaysia memanfaatkan status dan kepakaran dalam industri Halal untuk membangunkan hubungan baik dengan negara-

negara lain, memperluaskan pasaran bagi produk dan perkhidmatan Halal Malaysia, dan menggalakkan kerjasama dalam bidang Halal antarabangsa.

31. Ini melibatkan pelbagai aspek, termasuk promosi dan pemasaran produk Halal Malaysia, pematuhan piawaian Halal antarabangsa, perjanjian perdagangan dan kerjasama dengan negara-negara yang mempunyai minat dalam industri Halal, serta penyelidikan dan pembangunan dalam teknologi dan inovasi Halal. Malaysia mempunyai komitmen yang kuat untuk menjadi pemimpin global dalam industri Halal, dan Diplomasi Halal adalah salah satu cara untuk mencapai matlamat ini!
32. Diplomasi Halal Malaysia juga melibatkan peranan beberapa agensi kerajaan seperti HDC dan Kementerian Luar Negeri, yang bekerja sama untuk mempromosikan dan memperluaskan ekosistem Halal Malaysia ke peringkat antarabangsa. Malaysia melihat Diplomasi Halal sebagai peluang untuk membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara dan memperluaskan pengaruhnya dalam arena global dalam konteks industri Halal.
33. Saya percaya banyak negara dan organisasi melihat dan mencontohi bagaimana Malaysia membina ekosistem

Halal. Sekarang adalah masa bagi kita untuk membawa jenama Halal kita ke peringkat global, bermula dengan strategi Diplomasi Halal yang jelas dan terangkum, di mana semua agensi dan pemain industri mestilah bekerja bersama.

34. Saya rasa saya telah gariskan perkara-perkara penting untuk dijadikan asas bagi kita memangkin industri ini. Sekali lagi, kita perlu jadi luar biasa. Kita perlu mencari idea dan solusi yang lebih terangkum untuk dilaksanakan sebaiknya.
35. *We must work together as a team.* Saya sebagai Pengerusi Majlis Pembangunan Halal akan membantu untuk mencapai apa yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri, impian kita semua untuk melihat pembangunan dan kemajuan ekonomi halal dapat mencapai kejayaan yang didamba.
36. Terima kasih kepada semua yang telah bersama dalam sesi forum kali ini termasuklah panel, peserta, pemegang taruh yang sudi berkongsi pengetahuan dan kepakaran anda bagi membina ekonomi halal ini bersama. InsyaAllah, dunia semakin mengiktiraf peranan Malaysia memangkin pertumbuhan industri halal global dan anda semua adalah

sebahagian daripada kejayaan yang kita akan kecap  
bersama.

Terima kasih.

Wabillahitaufik                      Walhidayah                      Wassalamualaikum  
warahmatullahiwabarakatuh